



**TEKS**

**KHUTBAH**

**NEGERI PAHANG**

**SIRI 04/2024**



## SOLAT BERJEMAAH KEKUATAN UMMAH

26 APRIL 2024 | 17 SYAWAL 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama bertakwa kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan sebenar-benar takwa, iaitu dengan melaksanakan segala perintah dan seruan-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya kerana dengan takwa sahajalah kita akan mendapat reda Allah Subhanahu wa Taala di dunia dan akhirat.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala**

Solat berjemaah di masjid merupakan amalan yang amat dituntut kepada setiap orang Islam untuk melaksanakannya. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Nisa ayat 102,

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِذَا كُنْتَ فِيهِمْ فَأَقَمْتَ لَهُمُ الصَّلَاةَ فَلْتَقُمْ طَائِفَةٌ مِنْهُمْ مَعَكَ

**Yang bermaksud:** “Dan apabila engkau (Muhammad) berada di tengah-tengah mereka (sahabatmu) lalu engkau hendak melaksanakan solat bersama-sama mereka, maka hendaklah segolongan dari mereka berdiri (solat) bersertamu.”

Ayat ini adalah perintah menunaikan solat berjemaah semasa waktu perang. Maka sudah pasti dalam suasana aman perintah solat berjemaah lebih diutamakan. Ganjaran pahala bagi orang yang mendirikan solat berjemaah di masjid amat besar. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Imam Muslim,

مَنْ غَدَا إِلَى الْمَسْجِدِ أَوْ رَاحَ أَعَدَّ اللَّهُ لَهُ فِي الْجَنَّةِ نُزُلًا كُلَّمَا غَدَا أَوْ رَاحَ

**Yang bermaksud:** “Sesiapa yang pergi ke masjid sama ada pada waktu pagi atau petang, maka Allah akan menyediakan baginya tempat di syurga setiap kali dia berkunjung ke masjid.”

Bukan itu sahaja, sesungguhnya solat berjemaah adalah faktor utama dalam membina masyarakat Islam yang kuat. Sebab itu, apabila Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berhijrah ke Madinah langkah pertama yang dilakukan oleh Baginda ialah mendirikan masjid, aktiviti utamanya adalah solat berjemaah lima waktu setiap hari. Perhimpunan harian ini mewujudkan kesatuan umat Islam yang amat kuat. Setiap hari mereka akan bertemu serta bertanya khabar antara satu sama lain dan seterusnya akan membincangkan apa sahaja isu yang berlaku dalam masyarakat Islam.



Himpunan yang ramai di rumah Allah sudah pasti akan menggerunkan musuh dan akan mendapat limpah rahmat serta reda Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa Ta'ala*,**

Ingatlah, sesungguhnya perpaduan adalah asas kepada kekuatan umat Islam. Apabila berlaku perpecahan, umat Islam akan lemah. Inilah yang sedang kita hadapi hari ini. Oleh itu, amalan solat berjemaah mengajar kita semua untuk mengutamakan perpaduan dan penyatuan. Bermula dengan arahan untuk taat kepada Imam atau pemimpin dalam perkara kebaikan dan sentiasa tegur menegur serta nasihat menasihati jika berlaku kesilapan. Semua ini adalah ciri-ciri perpaduan yang menguatkan Ummah. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari yang bermaksud:

*“Sesungguhnya imam dijadikan untuk diikuti dengannya, maka apabila imam bertakbir maka hendaklah kamu semua bertakbir dan apabila dia ruku’ maka hendaklah kamu ruku’.*

Dalam solat berjemaah, makmum diperintahkan untuk menyama dan merapatkan saf sebagai sebahagian simbol perpaduan. Saf yang sama dan rapat akan menyebabkan hati setiap orang Islam saling bertautan dan berkasih sayang, begitulah sebaliknya. Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah memberi peringatan kepada kita semua bahawa saf yang tidak sama dan rapat boleh menyebabkan hati kita semua saling bercanggah dan akan membawa kepada perbalahan yang akan melemahkan ummah.



Berdasarkan hadis riwayat Imam Muslim, setiap kali hendak mendirikan solat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memerintahkan para sahabat supaya meluruskan saf dengan sabdanya,

اسْتَوُوا وَلَا تَخْتَلِفُوا فَتَخْتَلِفَ قُلُوبُكُمْ

**Yang bermaksud:** “Luruskanlah (saf kamu) dan jangan kamu bertelingkah (jangan biarkan saf kamu tidak lurus) ini menyebabkan hati kamu juga turut bertelingkah.”

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala,**

*Kekuatan Islam hanya dapat dibina apabila ummah memiliki peribadi beriman yang hebat, soleh dan berakhlak mulia. Sesungguhnya umat Islam di zaman Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, para sahabat dan salafussoleh memiliki keperibadian yang hebat sanggup mengorbankan harta benda dan jiwa mereka untuk menegakkan agama dan ummah. Antara faktor yang menjadikan mereka peribadi muslim yang hebat ialah mereka menjaga solat berjemaah di masjid. Mereka memahami bahawa amalan ini adalah bukti kesempurnaan Iman. Mereka menghayati sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam riwayat Imam Tirmizi:*

**Yang bermaksud:** “Apabila kamu semua melihat seseorang yang sentiasa pergi ke masjid maka bersaksilah bahawa dia seorang yang benar-benar beriman.”

*Generasi awal yang diasuh oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam amat bimbang untuk mengabaikan solat berjemaah kerana orang yang tidak mengambil berat solat berjemaah di masjid adalah sebahagian daripada sifat munafik. Renungilah kata-kata seorang sahabat yang bernama Ibnu Mas'ud,*



*“Kami dapati tidak ada orang yang cuai untuk bersolat jamaah di masjid kecuali dia ialah seorang yang telah dikenal pasti sebagai seorang munafik”*

Alhamdulillah, hari ini kesedaran untuk solat berjemaah semakin meningkat sehingga ada masjid yang berjaya menganjurkan program subuh seperti jumaat. Marilah kita bersungguh-sungguh untuk menunaikan solat berjemaah di masjid kerana ganjaran pahalanya yang besar dan semoga amalan ini adalah sebahagian sumbangan kita untuk membina kekuatan umat Islam. Bawalah anak-anak ke masjid agar mereka terbiasa melakukan solat berjemaah, sekaligus dapat memahami bahawa solat berjemaah penting dalam kehidupan mereka sehingga ke akhir hayat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مِنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى  
الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ ۖ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.